

MAJLIS DAERAH RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR

KENYATAAN SEBUTHARGA

- 1.0. Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat/kontraktor yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) – MEMPUNYAI PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DENGAN GRED G1 @ G2 @ G3 DAN BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA TENAGA SEKURANG-KURANGNYA DALAM KELAS C (Kategori & Pengkhususan – ME – E04 @ E05 @ E06)** yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :-

BIL. SEBUTHARGA & TAJUK KERJA	HARGA DOKUMEN (RM)	KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH & MASA TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
1. MDR / JKB / M25 / 33 / 2025 MENYENGGARA LAMPU JALAN DI KAWASAN MAJLIS DAERAH RAUB, MD RAUB PAHANG.	30.00	ME – E04 @ E05 @ E06	TIADA	1 0 NOV 2025

- 2.0. Naskah Sebutharga akan dipamirkan mulai daripada **0 4 NOV 2025** hingga **1 0 NOV 2025** di Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Raub mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang waktu pejabat.
- 3.0. Dokumen Sebutharga akan dijual mulai **0 4 NOV 2025** hingga **0 6 NOV 2025** Dokumen Sebutharga akan dijual mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang.
- 4.0. Kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini perlu mendaftar dengan Majlis Daerah Raub dan yuran tahunan sebanyak RM50.00 akan dikenakan sebagai kontraktor yang layak memasuki sebutharga tersebut.
- 5.0. Kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini adalah dikehendaki mengeluarkan Wang tunai/Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf berharga seperti ditetapkan di para 1 bagi setiap naskah sebutharga yang dibuat atas nama Yang DiPertua, Majlis Daerah Raub, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur sebagai bayaran pembelian dokumen sebutharga dan bayaran tersebut tidak akan dikembalikan.

2/...


- 6.0 Hanya pemilik lesen PKK & CIDB sahaja dibenar membeli borang sebutharga.
- 7.0 Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada **PEMILIK LESEN** yang sah sahaja. Untuk maksud ini, lesen pendaftaran **ASAL** Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia hendaklah ditunjukkan semasa memohon dokumen sebutharga.
- 8.0 Dimaklumkan bahawa bermula **1 Jun, 2025**, merujuk kepada Peraturan Pekeliling Perbendaharaan (P.K) 2.9, semua kontraktor G1 yang mengemukakan dokumen sebutharga adalah **WAJIB** untuk melampirkan **penyata bank Tiga (3) bulan** terkini bersama-sama dokumen sebutharga. Kegagalan mematuhi keperluan ini akan menyebabkan dokumen sebutharga **DITOLAK**.
- 9.0 Bermula Julai, 2025, kontraktor juga perlu melampirkan **Tax Compliance Certificate (TCC)** bersama-sama dokumen sebutharga. Kegagalan mematuhi keperluan ini akan menyebabkan dokumen sebutharga **DITOLAK**.
- 10.0 Sebutharga ini akan ditutup pada tarikh ditetapkan di para 1. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri yang bertulis tajuk kerja di bahagian atas sebelah kiri sampul surat. Dokumen sebutharga ini hendaklah dialamatkan kepada :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH RAUB,
27600 RAUB.**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga sebelum jam **12.00 tengahari** pada hari sebutharga ditutup.

- 11.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga dan semua perbelanjaan bersabit dengan sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

Bertarikh : 29.10.2025



(MOHD FARID BIN ABDUL MANAP. C.A(M), AMP.)

Setiausaha,
Majlis Daerah Raub.

S.K

1. Fail Terapung MDR. 5815/6 JLD.24